

SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

PENGIKLANAN MYFUTUREJOBS BAGI PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT) DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN WILAYAH PERSEKUTUAN

BIL. 4/2021 | 12 JULAI 2021

1. Apakah syarat pengiklanan di Portal MYFutureJobs yang perlu dilaksanakan oleh majikan yang ingin melaksanakan penggajian ekspatriat ?

- Berkuatkuasa 1 Januari 2021, mana-mana majikan yang ingin melaksanakan pengambilan pekerja bukan warganegara, termasuklah ekspatriat hendaklah mengiklankan kekosongan jawatan sekurang-kurangnya 30 hari di Portal MYFutureJobs, di bawah Kementerian Sumber Manusia.
- Majikan turut dikehendaki untuk melaksanakan program temu duga sebagai usaha untuk mengambil pekerja tempatan bagi memenuhi kriteria kekosongan jawatan tersebut sebagai pra-syarat bagi pengambilan ekspatriat.
- Walau bagaimanapun, terdapat jenis-jenis jawatan ekspatriat yang dikecualikan daripada perlaksanaan ini seperti di soalan 4.

2. Apakah jenis pas imigresen yang tertakluk di bawah pelaksanaan ini?

- Pengiklanan di Portal MYFutureJobs dan temu duga **hanya terpakai bagi pengambilan ekspatriat melalui Pas Penggajian (*Employment Pass*)** sahaja.
- *Dependant Pass (DP)*, *Social Visit Pass (SVP) – Internship (SVP – I)*, *Visit Pass (VP)*, *Professional Visit Pass (PVP)* dan *Resident Pass-Talent (RPT)* adalah **tidak tertakluk** di bawah pelaksanaan ini.

3. Adakah Sektor Kerajaan juga perlu mengiklankan kekosongan jawatan di Portal MYFutureJobs jika ingin melaksanakan penggajian ekspatriat?

- **Ya.** Semua jabatan dan agensi dalam sektor kerajaan perlu mengiklankan kekosongan jawatan di Portal MYFutureJobs sebelum melaksanakan penggajian ekspatriat.
- Jawatan-jawatan yang dikecualikan seperti di soalan 4 adalah dikecualikan daripada pengiklanan.

4. Apakah jenis jawatan yang dikecualikan secara automatik daripada pelaksanaan ini?

i. Jawatan Penting (*C-Suite & Key Post*)

Ekspatriat yang bekerja untuk jawatan utama organisasi (key post) seperti Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Operasi dan setaraf.

ii. Jawatan Bergaji RM15,000 dan ke atas

Ekspatriat yang berpendapatan / bergaji pokok bulanan sebanyak RM15,000 dan ke atas.

iii. *Representative Office/ Regional Office (RERO)*

Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau bagi syarikat/ organisasi luar negara dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan adalah pejabat yang ditubuhkan di Malaysia untuk melaksanakan aktiviti bagi pihak ibu pejabat syarikat/organisasi. Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau tidak terlibat dalam sebarang aktiviti komersial. Bagi operasi Pejabat Perwakilan/Pejabat Serantau, majikan tidak perlu berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965. Surat kelulusan/pengesahan MIDA adalah diperlukan bagi permohonan jawatan pegawai dagang di bawah kategori ini.

iv. Pelabur/ Pemegang Saham/ Pemilik

Pelabur/Pemegang Saham/Pemilik syarikat yang terlibat secara langsung dalam operasi syarikat. Pelabur adalah individu yang melaburkan dana di Malaysia untuk mendapatkan pulangan pelaburan. Pemegang saham pula

hendaklah memegang sekurang-kurangnya 30% ekuiti saham dilantik sebagai Pengarah Syarikat dan/atau memegang jawatan berkepentingan dalam syarikat.

v. Pemindahan Korporat/ Penempatan/ Perjanjian Perdagangan

Bagi kategori ini, pekerja ditugaskan oleh syarikat induk bekerja di syarikat cawangan di Malaysia atau kumpulan syarikat yang bertujuan untuk tujuan latihan/ pertukaran/ perkongsian pengetahuan/ pengalaman antara syarikat, dan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja syarikat.

vi. Pertubuhan Antarabangsa

Organisasi yang tertakluk di bawah Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Akta 485) boleh melantik *Foreign Recruited Staff (FRS)* daripada warganegara asing.

vii. Sektor Sukan

Pengambilan atlet/ profesional untuk menyertai mana-mana organisasi/ kelab sukan di dalam negara.

5. Adakah Jawatan Berkemahiran Khas dikecualikan secara automatik daripada pengiklanan?

- Jawatan berkemahiran khas adalah jawatan yang memerlukan kemahiran dan kompetensi yang spesifik dan unik bagi menjalankan fungsi tugas yang ditetapkan oleh majikan.
- Bagi syarat pengiklanan ini, majikan **tidak diberikan pengecualian secara automatik.**
- **Majikan perlu mendaftar dan mengaktifkan pengiklanan jawatan** di Portal MYFutureJobs bagi tempoh 30 hari. Dalam masa yang sama, majikan perlu melengkapkan **Borang PDKK** (Pegawai Dagang Kemahiran Khas) di **<http://bit.ly/PDKKPERKESO>** untuk memohon pertimbangan PERKESO bagi pengecualian iklan di Portal MYFutureJobs.

- Majikan perlu memberikan justifikasi terperinci melalui Borang PDKK bahawa jawatan tersebut memerlukan kemahiran dan kompetensi yang spesifik.
- Jika jawatan tersebut layak dipertimbangkan untuk pengecualian, maka majikan dikecualikan daripada pengiklanan di Portal MYFutureJobs.
- **Setelah mendapat kelulusan pengecualian** daripada pihak PERKESO melalui e-mel, **iklan jawatan kosong boleh dinyahaktifkan.**
- Namun, **jika jawatan tersebut diputuskan bukan jawatan berkemahiran khas**, majikan perlu mengiklankan jawatan itu di Portal MYFutureJobs bagi tempoh minimum 30 hari dan mengadakan temu duga untuk mendapatkan bakat tempatan.

6. Adakah jawatan yang memerlukan kemahiran berbahasa asing boleh dipertimbangkan untuk dikecualikan daripada pengiklanan di portal MYFutureJobs?

- Permohonan pengecualian bersyarat bagi jawatan yang memerlukan kemahiran dan penguasaan berbahasa asing boleh dipertimbangkan untuk pengecualian daripada pengiklanan di portal MYFutureJobs.
- Pengambilan ekspatriat sebagai tenaga profesional di sekolah antarabangsa dan institut pengajian yang menggunakan silibus pengajaran dan pembelajaran daripada negara asing bagi memenuhi keperluan pendidikan anak warga asing, ekspatriat dan diplomat luar yang bertugas di Malaysia juga boleh memohon pengecualian daripada pengiklanan di MYFutureJobs.
- Bagi memohon pengecualian tersebut, majikan perlu mengisi **Borang PDKK** sepertimana langkah-langkah yang dinyatakan di soalan 5.

7. Adakah majikan perlu mendapatkan surat pengecualian automatik daripada pengiklanan di Portal MYFutureJobs?

- **Tidak.** Pengecualian kepada jenis jawatan yang dikecualikan secara automatik seperti di soalan 4 adalah secara automatik dan **tidak perlu mendapatkan surat pengecualian** daripada PERKESO. Majikan boleh terus berurusan dengan Agensi Pelulus untuk permohonan jawatan ekspatriat.

- Bagi jawatan berkemahiran khas, **keputusan pengecualian** akan dimaklumkan kepada pihak majikan melalui e-mel.

8. Bagi jawatan – jawatan yang tidak diberikan pengecualian, apakah langkah yang perlu dilaksanakan oleh majikan bagi pengambilan ekspatriat ?

Langkah- langkah yang perlu dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Daftar **iklan jawatan kosong di Portal MYFutureJobs** untuk tempoh **30 hari** serta pastikan semua maklumat jawatan kosong diisi.
- Majikan perlu melaksanakan program **temu duga dalam tempoh 30 hari** daripada tarikh pengiklanan jawatan kosong serta mengemukakan laporan temu duga kepada dengan menggunakan **Laporan Pengambilan Pekerja** (rujuk Lampiran 4) yang boleh dimuat turun di laman web www.perkeso.gov.my
- Majikan digalakkan menyertai Program Temu Duga yang dianjurkan oleh PERKESO.
- Semua permohonan akan dibentangkan kepada JPPD yang akan mempertimbangkan permohonan majikan dengan mengambil kira usaha-usaha mencari bakat tempatan yang telah dilaksanakan.

Rujuk Lampiran 1: Proses Pengambilan Ekspatriat

9. Apakah standard pengiklanan yang perlu dipatuhi oleh pihak majikan?

- **Setiap pengiklanan di portal MYFutureJobs mestilah bagi satu jenis jawatan sahaja.** Majikan tidak dibenarkan mengiklankan multi-jawatan dalam satu pengiklanan. Contoh dibenarkan adalah *Senior Human Resource Executive* manakala, contoh tidak dibenarkan adalah *Senior Human Resource Executive/ Human Resource Manager*.
- **Nama jawatan yang diiklankan mestilah sama dengan nama jawatan yang akan dimohon oleh majikan di Agensi Pelulus dan Jabatan Imigresen Malaysia.** Nama jawatan yang berlainan akan menyebabkan proses permohonan syarikat di Agensi Pelulus dan Jabatan Imigresen

Malaysia mengalami kesulitan disebabkan nama jawatan yang berbeza dengan pengiklanan di portal MYFutureJobs.

- **Semua maklumat mandatori pengiklanan di portal MYFutureJobs hendaklah dilengkapi.** Manual pengguna bagi pengiklanan boleh diakses melalui Laman Web Rasmi PERKESO di www.perkeso.gov.my melalui pautan
[https://www.perkeso.gov.my/images/hiring_rehiring/010121 -
_Employer Manual For Expatriate FW v11.pdf](https://www.perkeso.gov.my/images/hiring_rehiring/010121_-_Employer_Manual_For_Expatriate_FW_v11.pdf)
- **Pengiklanan jawatan mestilah melalui akaun syarikat yang memohon bagi penggajian ekspatriat itu.** Pengiklanan jawatan menggunakan akaun MYFutureJobs syarikat lain adalah tidak dibenarkan kerana sebarang kelulusan yang dikeluarkan adalah menggunakan nama syarikat yang mengiklankan jawatan tersebut.
- **Majikan perlu memastikan check box “foreign/expatriate application” dan radio button “Expatriate” dipilih bagi sebagai indikator bahawa pengiklanan adalah sebagai pra-syarat bagi penggajian ekspatriat.** Kegagalan majikan untuk memilih check box tersebut akan menyebabkan data pengiklanan tidak dapat diproses dan tidak dibentangkan dalam Jawatankuasa Penggajian Pegawai Dagang (JPPD).

10. Adakah majikan masih perlu mendaftar dan log masuk ke dalam Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (Sistem ePPAx) bagi tujuan permohonan perakuan ekspatriat ?

- **Tidak.** Majikan tidak perlu mendaftar dan log masuk ke dalam Sistem ePPAx.

11. Apakah tindakan Agensi Pelulus sekiranya mendapati jawatan yang dimohon tidak termasuk dalam kategori yang dikecualikan?

- Agensi Pelulus perlu memaklumkan kepada pihak majikan untuk melalui proses pengiklanan di Portal MYFutureJobs.

12. Adakah pengiklanan semula jawatan perlu dilaksanakan bagi lanjutan pas penggajian?

- **Tidak.** Bagi tujuan lanjutan pas penggajian, majikan tidak perlu mengiklankan semula jawatan kosong yang telah pun diluluskan dan tidak perlu melaksanakan semula proses temu duga.
- Majikan boleh terus berurusan dengan Jabatan Imigresen Malaysia bagi tujuan permohonan lanjutan tempoh pas penggajian.
- Dokumen sokongan daripada PERKESO tidak diperlukan bagi tujuan permohonan lanjutan pas penggajian di Jabatan Imigresen Malaysia.

13. Bagaimana dengan jawatan yang telahpun mendapat kelulusan daripada Agensi Pelulus dan juga Jabatan Imigresen Malaysia sebelum 1 Januari 2021?

- Bagi jawatan yang telahpun mendapat kelulusan daripada Agensi Pelulus dan Jabatan Imigresen Malaysia sebelum 1 Januari 2021 tidak perlu mengiklankan semula jawatan di portal MYFutureJobs.
- Majikan boleh teruskan urusan di Jabatan Imigresen Malaysia untuk pengeluaran Pas Penggajian berdasarkan kelulusan yang telah diperolehi.

14. Adakah pertukaran nama jawatan dan kenaikan pangkat dalam syarikat yang sama dikecualikan daripada pengiklanan?

- Pertukaran nama jawatan dengan skop tugas yang berbeza perlu melalui proses pengiklanan 30 hari.
- Hanya pertukaran nama jawatan yang tidak mempunyai perbezaan skop tugas tidak perlu melaksanakan pengiklanan di portal MYFutureJobs.
- Majikan hendaklah merujuk kepada Agensi Pelulus yang berkaitan bagi proses dan prosedur pertukaran nama jawatan.

15. Adakah jawatan yang dikecualikan masih perlu melalui pertimbangan Jawatankuasa Penggajian Pegawai Dagang (JPPD)?

- **Tidak.** Permohonan bagi jawatan yang dikecualikan tidak perlu melalui pertimbangan JPPD.

- Bagi jawatan yang dikecualikan secara automatik, majikan tidak perlu mendapatkan apa-apa dokumen atau surat sokongan daripada PERKESO. Majikan boleh terus mengemukakan permohonan kepada Agensi Pelulus yang berkaitan.

16. Adakah majikan perlu mendapatkan perakuan Jawatankuasa Penggajian Pegawai Dagang (JPPD) sebelum mengemukakan permohonan kepada Agensi Pelulus?

- Ya. Bagi jawatan ekspatriat yang tidak mendapat pengecualian pengiklanan, majikan perlu mendapatkan perakuan daripada Jawatankuasa Penggajian Pegawai Dagang (JPPD) sebelum mengemukakan permohonan kepada Agensi Pelulus.
- Keputusan JPPD akan dikemukakan oleh sekretariat JPPD kepada majikan melalui e-mel.

17. Adakah semua permohonan jawatan ekspatriat perlu melalui Agensi Pelulus?

- Ya. Semua permohonan jawatan ekspatriat perlu melalui Agensi Pelulus bagi kelulusan jawatan ekspatriat dan seterusnya melalui Jabatan Imigresen Malaysia untuk mendapatkan Pas Penggajian (*Employment Pass*).

18. Apakah sudut pertimbangan lain yang dipertimbangkan oleh JPPD bagi mengeluarkan perakuan penggajian ekspatriat?

- Keputusan Perakuan JPPD bagi penggajian ekspatriat juga adalah tertakluk dengan ulasan daripada beberapa jabatan dan agensi mengikut sudut pertimbangan berikut:
 - i. Kementerian Dalam Negeri – pematuhan majikan terhadap dasar hal ehwal dalam negeri;
 - ii. Jabatan Imigresen Malaysia – pematuhan majikan terhadap perundangan dan dasar berkaitan hal ehwal imigresen;

- iii. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia – pematuhan majikan terhadap standard dan amalan perburuhan yang telah ditetapkan undang-undang berkaitan perburuhan;
- iv. PERKESO – pematuhan majikan terhadap melaksanakan program temu duga dan pengiklanan di portal MYFutureJobs.
- v. Agensi Pelulus & Agensi Kawal Selia – Agensi Pelulus dan Agensi Kawal Selia akan memberi pengesyoran penggajian ekspatriat kepada JPPD mengikut sektor dan skop liputan masing-masing.

19. Apakah jenis kategori pas penggajian ekspatriat yang telah ditetapkan?

- Terdapat 3 kategori ekspatriat yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri iaitu:

EKSPATRIAT	GAJI BULANAN	TEMPOH KONTRAK
Kategori I (Mahir)	RM10,000 dan ke atas	2 hingga 5 tahun
Kategori II (Mahir)	RM5,000 - RM9,999	Maksima 2 tahun
Kategori III (Separa Mahir/ Berpengetahuan)	RM3,000 - RM4,999	Maksima 1 tahun

20. Apakah sistem yang akan digunapakai oleh majikan bagi tujuan pengiklanan jawatan kosong?

- Majikan wajib mengiklankan kekosongan jawatan di Portal MYFutureJobs melalui pautan www.myfuturejobs.gov.my
- Majikan dikehendaki mengisi semua maklumat termasuk nama jawatan, kelayakan akademik, gaji, skop kerja, kemahiran dan kompetensi bagi setiap iklan di Portal MYFutureJobs.

21. Apakah bantuan yang boleh diperolehi daripada PERKESO bagi majikan yang ingin mendapatkan bakat tempatan?

- Majikan boleh berhubung dengan pejabat PERKESO terdekat di setiap negeri untuk mendapatkan bantuan mendapatkan bakat tempatan.

- Majikan juga boleh memohon untuk menyertai sesi temu duga yang dianjurkan oleh PERKESO. Sila berhubung dengan pegawai PERKESO di Lampiran 2.

22. Apakah tanggungjawab majikan setelah mengiklankan jawatan kosong di Portal MYFutureJobs?

- Majikan bertanggungjawab untuk melaksanakan temu duga bagi jawatan kosong yang telah diiklankan. Majikan juga boleh melaksanakan temu duga dengan inisiatif sendiri atau menyertai program temu duga harian/mingguan anjuran PERKESO.
- Majikan disarankan menyertai program-program temu duga yang dianjurkan oleh PERKESO bagi mendapatkan bakat tempatan.

23. Adakah majikan perlu memaklumkan semua temu duga yang dilaksanakan bagi jawatan yang dimohon?

- Ya. Majikan hendaklah memaklumkan kepada PERKESO bagi sebarang temu duga yang dilaksanakan.
- Tujuan pemakluman temu duga adalah untuk memastikan PERKESO dapat menghebahkan maklumat temu duga kepada pencari kerja awam dan juga yang berdaftar di portal MYFutureJobs untuk menyertai temu duga yang dilaksanakan pihak majikan.
- Pemakluman temu duga yang akan dijalankan boleh dikemukakan melalui <http://bit.ly/interviewnotificationPERKESO>

24. Nyatakan kaedah pemantauan yang akan dilaksanakan oleh pihak PERKESO dalam memastikan pematuhan majikan terhadap pelaksanaan temu duga?

- Majikan perlu melengkapkan **Laporan Pengambilan Pekerja** bagi aktiviti temu duga yang dijalankan mengikut jawatan yang diiklankan. Borang ini perlu disimpan oleh majikan dan dikemukakan kepada PERKESO melalui pegawai di Lampiran 2 **selepas tamat tempoh maksimum 30 hari** daripada tarikh pengiklanan kekosongan jawatan.

- Kelewatan majikan mengemukakan Laporan Pengambilan Pekerja akan mengakibatkan kelewatan permohonan dibentangkan dalam Jawatankuasa Penggajian Pegawai Dagang (JPPD).

25. Adakah majikan dibenarkan untuk mengiklankan jawatan kosong dan melaksanakan usaha penempatan pekerjaan melalui kaedah atau menggunakan platform lain?

- **Ya.** Majikan dibenarkan untuk mengiklankan kekosongan jawatan atau mengambil tindakan susulan menggunakan kaedah lain yang bersesuaian. Walau bagaimanapun, majikan **masih diwajibkan untuk mengiklankan jawatan kosong tersebut di Portal MYFutureJobs minimum 30 hari.**

26. Adakah tindakan dan usaha penempatan bakat tempatan akan mempengaruhi keputusan permohonan ekspatriat?

- **Ya.** Jawatankuasa Penggajian Pegawai Dagang di Kementerian Sumber Manusia yang dianggotai oleh PERKESO, Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Imigresen, dan Agensi Pelulus akan bersidang bagi menimbangkan setiap permohonan majikan berdasarkan hasil usaha yang telah dilaksanakan bagi pengambilan bakat tempatan.

27. Bagaimanakah keputusan Jawatankuasa Penggajian Pegawai Dagang akan disampaikan kepada majikan?

- Keputusan permohonan penggajian pegawai dagang yang diputuskan dalam Jawatankuasa Penggajian Pegawai Dagang akan dikemukakan kepada pihak majikan melalui e-mel yang didaftarkan dalam Portal MYFutureJobs.

28. Bagaimana cara untuk mengetahui status berhubung permohonan penggajian ekspatriat yang telah dikemukakan kepada Agensi Pelulus?

- Majikan boleh merujuk kepada Agensi Pelulus yang berkaitan (**rujuk Lampiran 5**).

29. Apakah kelebihan yang disediakan kepada majikan yang mengambil pekerja tempatan?

- Menerusi Belanjawan 2021, majikan boleh mendapat insentif kewangan iaitu Insentif Pengambilan Pekerja dan Latihan di bawah Program PenjanaKerjaya 2.0.
- Kerajaan juga telah melanjutkan program ini dibawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH). Permohonan PenjanaKerjaya 3.0 ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021.
- Program latihan kemahiran dan bantuan mobiliti turut disediakan bagi pekerja tempatan yang baharu diambil bekerja. Bagi inisiatif ini, majikan boleh melayari **www.perkeso.gov.my** untuk maklumat lanjut.

30. Adakah pengiklanan di Portal MYFutureJobs terpakai bagi permohonan penggajian pekerja bukan pemastautin, pekerja asing atau ekspatriat di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak?

- **Ya.** Pengiklanan di Portal MYFutureJobs juga perlu dilaksanakan oleh majikan yang ingin menggajikan pekerja bukan pemastautin, pekerja asing atau ekspatriat di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.
- Walau bagaimanapun, majikan perlu merujuk Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Imigresen Sabah atau Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dan Jabatan Imigresen Sarawak untuk prosedur permohonan penggajian pekerja bukan pemastautin, pekerja asing atau ekspatriat.
- Sila rujuk soalan-soalan lazim di Laman Web Rasmi PERKESO.

Soalan Lazim Bil. 4 Tahun 2021 adalah berkuatkuasa mulai 12 Julai 2021. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan PERKESO di talian 1-300-22-8000 / 03-8091 5300 atau emel kepada papd@perkeso.gov.my

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

12 JULAI 2021

LAMPIRAN 1

PETUNJUK WARNA:


- MYFUTUREJOBS, SIP PERKESO
- JTKSM
- JPPD, KSM
- JPPD (RAYUAN), KSM
- AGensi PELULUS
- BAHAGIAN KHIDMAT EKSPATRIAT, JABATAN IMIGRESEN

N
O
R
M
A
L

L
A
N
E

30-37
HARI

*Kelewatan majikan mengemukakan Laporan Pengambilan Pekerja akan mengakibatkan kelewatan



LAMPIRAN 2

BIL	NEGERI	PEGAWAI	E-MEL (@perkeso.gov.my)
1	Kuala Lumpur	1. Mohamed Nur Hidayat Bin Mohammed Ajis	hidayat.ajis
		2. Y.Kavita A/P V.Yoganathan	y.kavita
		3. Nur Syafiqah Binti Abdul Razak	syafiqah.razak
		4. Maran A/L G.Mogan	g.maran
2	Selangor/ Putrajaya	1. Aaron Davidraj A/L Ravindran Visvaram	r.aaron
		2. Muhammad Hifzhan Bin Alias	hifzhan.alias
		3. Nurul Shafinaz Mohd Rodzmin	shafinaz.rodzmin
		4. Nur Diana Binti Wahid	diana.wahid
		5. Noor Faharani Binti Che Alias	faharani.alias
		6. Ahmad Zikri Bin Ismail	zikri.ismail
3	Negeri Sembilan	1. Azliza Binti Aziz	azliza.aziz
4	Melaka	1. Nurshahera Binti Nordin	amira.rajis
5	Johor	1. Muhamad Shahrul Bin Zamshari	shahrul.zamshari
		2. Shafini Sazlin Binti Saifulbahri	sazlin.saifulbahri
		3. Lokgeswari A/P Jeya Balan	jlb.lokgeswari
6	Pahang	1. Muhammad Faris Bin Ahmad Fauzani	faris.fauzani
7	Terengganu	1. Muhamad Faisal Bin Arman	faisal.arman
8	Kelantan	1. Rokiah Binti Mohamad	rokiah.mohamad
9	Perak	1. Muhamad Izzuddin Akhmal Bin Mohd Sani	akhmal.sani
10	Kedah/ Perlis	1. Abdul Aziz Bin Mohd Tarmizi	esalina.muda
11	Pulau Pinang	1. Nur Hanina Binti Hamid	hanina.hamid
		2. Nurul Sakinah Binti Md Ali	ameirza.rosli

SENARAI PUSAT MYFUTUREJOBS

BIL.	NEGERI	ALAMAT
1.	Kuala Lumpur	Pejabat PERKESO W.P. Kuala Lumpur No. 155, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur
2.	Selangor/ Putrajaya	Pejabat PERKESO Negeri Selangor Lot 141, Seksyen 6, Jalan Selangor, 46990 Petaling Jaya, Selangor
3.	Negeri Sembilan	Pejabat PERKESO Negeri Sembilan Lot 3757, Lot 52, Jalan Sg. Ujong, 70000 Seremban, Negeri Sembilan
4.	Melaka	Pejabat PERKESO Negeri Melaka Jalan Persekutuan MITC, Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka
5.	Johor	Pejabat PERKESO Negeri Johor No. 26, Jalan Susur 5, Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin, 80200 Johor Bahru, Johor
6.	Pahang	Pejabat PERKESO Negeri Pahang Jalan Mat Kilau, 25000 Kuantan, Pahang
7.	Terengganu	Pejabat PERKESO Negeri Terengganu Lot 2467, Jalan Air Jernih, 20538 Kuala Terengganu, Terengganu
8.	Kelantan	Pejabat PERKESO Negeri Kelantan PT 304 - 307, Seksyen 22, Jalan Kota Darul Naim, 15538 Kota Bharu, Kelantan
9.	Perak	Pejabat PERKESO Negeri Perak No. 83, Jalan Hospital, 30450 Ipoh, Perak
10.	Kedah/ Perlis	Pejabat PERKESO Negeri Kedah Lot. 186, Jalan Teluk Wanjah, 05538 Alor Setar, Kedah
11.	Pulau Pinang	Pejabat PERKESO Negeri Pulau Pinang No. 3012, Lebuhr Tenggiri 2, 13700 Seberang Jaya, Perai, Pulau Pinang

12.	Sarawak	Pejabat PERKESO Negeri Sarawak Lot 436, Section 54, No. 52 Travillion Commercial Centre, Jalan Padungan, 93100 Kuching, Sarawak
13.	Sabah	Pejabat PERKESO Negeri Sabah No. 11, Lorong Sempelang, Tanjung Aru, 88100 Kota Kinabalu, Sabah

Senarai penuh Pejabat-Pejabat PERKESO di seluruh negara boleh dilayari di pautan berikut: <https://www.perkeso.gov.my/hubungi-kami/pejabat-perkeso-new/ppn-ppp.html>

LAMPIRAN 4

 LAPORAN PENGAMBILAN PEKERJA TEMPATAN <i>Nota: Laporan ini perlu dihantar selepas tamat tempoh pengiklanan minimum 30 hari</i> 	
A. Nama Jawatan (seperti yang diiklankan)	
B. Nama Majikan	
C. No Pendaftaran Syarikat (SSM/ROB/ROC dll)	
D. No Kod Majikan (Sekiranya Ada)	
E. No Telefon Majikan	
F. Emel Majikan	
G. Tarikh & Masa Temuduga	
H. Lokasi Temuduga	

BIL	No Kad Pengenalan Malaysia	Nama Calon	No Telefon	Emel	Jantina	Tahap Pendidikan	Keputusan	Ulasan (Sebab Gagal)
1								
2								
3								
4								
5								
6								
7								
8								
9								
10								

Sila sambung di tab seterusnya

Saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar dan betul. Saya sesungguhnya faham sekiranya apa-apa maklumat yang saya berikan atau pengesahan akuan ini adalah tidak benar, tidak betul atau palsu, boleh menyebabkan kelewatan permohonan ini diproses atau permohonan boleh ditolak.

PENGESAHAN MAJIKAN		PENGESAHAN PEGAWAI (UNTUK TINDAKAN PERKESO)	
TANDATANGAN		TANDATANGAN	
.....			
Nama		Nama	
Jawatan		Jawatan	
Tarikh		Tarikh	
Cop Syarikat		Cop Pegawai	

Nota:

- Borang ini perlu diisi menggunakan format Excel yang boleh dimuat turun melalui laman web PERKESO
- Majikan perlu menyenaraikan semua calon yang memohon di portal MYFutureJobs di dalam senarai ini.
- Kelewatan majikan mengemukakan Laporan Pengambilan Pekerja boleh mengakibatkan kelewatan pemprosesan

LAMPIRAN 5

BIL.	AGENSI PELULUS	SKOP LIPUTAN
1.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Umum
2.	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	Sektor pembuatan dan industri terpilih
3.	Malaysia Digital Economic Corporation (MDEC)	Sektor teknologi maklumat
4.	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Pegawai Kontrak Kerajaan
5.	Bank Negara Malaysia (BNM)	Sektor kewangan, insurans dan perbankan
6.	Suruhanjaya Sekuriti (SC)	<i>Securities and future market</i>
7.	Malaysia Global Innovation & Creativity Centre (MAGIC)	Program tertentu bagi pemerkasaan keusahawanan dan perusahaan baharu
8.	East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)	Syarikat yang beroperasi di Wilayah Ekonomi Pantai Timur
9.	Iskandar Regional Development Authority (IRDA)	Syarikat yang beroperasi di Iskandar Malaysia
10.	TalentCorp Berhad (TC)	Sektor NKEA
11.	Jawatankuasa Ekspatriat (JKE)	Sektor yang tidak tersenarai di bawah Agensi Pelulus



PenjanaKerjaya 2.0
BELANJAWAN
2021

KEMASKINI TERKINI PROSES PENGIKLAMAN DI PORTAL MYFUTUREJOBS BAGI
PENGGAJIAN PEGAWAI DAGANG (EKSPATRIAT)



MAKLUMAN TERKINI!



Berkuatkuasa 15 Februari 2021, majikan tidak perlu mendaftar dan log masuk ke dalam
Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (Sistem ePPAx) bagi
tujuan permohonan perakuan pegawai dagang.



Sebarang maklumat lanjut, sila layari www.perkeso.gov.my atau hubungi talian 1-300-22-8000 / 03-8091 5300 atau emel kepada papd@perkeso.gov.my



MYFutureJobs
Penyedia Perkhidmatan Pekerjaan Nasional Anda



www.myfuturejobs.gov.my

[f](#) [@](#) [t](#) [v](#) [in](#) [@eisperkeso](#)